

# PENGLIBATAN BELIA BERMASALAH DALAM NGO UNTUK KHIDMAT KEPADA MASYARAKAT – KES PENGASIH MALAYSIA



Mahmood Nazar Mohamed  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (P)  
Jabatan Pembangunan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Kedah  
Tel : 04-9283230  
Faks : 04-9285752  
E-mel : [mahmood@uum.edu.my](mailto:mahmood@uum.edu.my)  
dan

Mohd. Yunus Pathy Mohamad  
PENGASIH MALAYSIA

## Abstrak

*Kebanyakan NGO menggerakkan tenaga kerja sukarela bagi menjalankan aktiviti yang dimatlamatkan oleh badan berkenaan. Dalam konteks kerja sosial, selalunya penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sukarela adalah dari kalangan mereka yang ingin menghulur bantuan kepada pihak yang bermasalah dan yang memerlukan. Beberapa contoh adalah seperti Yayasan Salam yang sering menggerakkan aktiviti-aktiviti untuk golongan tertindas, dan PEMADAM Malaysia yang menggerakkan program pendidikan dan pencegahan penagihan dadah. Namun untuk Persatuan Pengasih Malaysia, ia merupakan sebuah persatuan yang dianggotai oleh bekas penagih dadah yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun. Matlamat persatuan bekas penagih ini antara lainnya adalah untuk merawat, dan memulihkan ketagihan dadah serta menjalankan program-program pendidikan dan pencegahan penagihan dadah. Apa yang menarik mengenai NGO ini ialah ia berjaya mendapatkan perkhidmatan sukarela dari kalangan anggota masyarakat yang pernah bergelar "sampah masyarakat" yang menggunakan "najis" dadah untuk menjalankan aktiviti yang memberi manfaat yang amat besar kepada masyarakat di negara ini. Bukan itu sahaja, Pengasih Malaysia juga berjaya membantu negara jiran seperti Indonesia untuk menggerakkan program Bantu-Diri untuk pemulihan penagih-penagih dadah di sana. Mereka juga menerima ramai penagih dadah dari negara-negara ASEAN, India dan Pakistan untuk program pemulihan dadah yang diusahakan di Rumah Pengasih, Kuala Lumpur. Kertas ini membentangkan kejayaan Pengasih Malaysia dalam menawarkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan penagihan dadah, program-program pencegahan di peringkat awalan dan umum serta pelbagai program intervensi yang membantu penagih yang menghidapi AIDS atau HIV.*

## PENGENALAN

Dalam perkhidmatan kebajikan masyarakat ataupun servis yang berteraskan kemanusiaan yang lain, lazimnya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk perkhidmatan tersebut tidak dapat menyampaikannya kepada semua yang memerlukan. Sebagai contoh, dalam perkhidmatan pemulihan dan rawatan penagihan dadah, ianya dipertanggungjawabkan kepada Agensi Dadah Negara (ADK). Namun demikian, dewasa


Kita juga dapat lihat bahawa di Malaysia, negeri-negeri yang lebih maju mencatatkan insiden penagihan yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mencatatkan insiden sebanyak 22 orang penagih untuk setiap 1000 penduduk, dan Pulau Pinang pula mencatatkan sejumlah 20 penagih untuk setiap 1000 penduduk. Bagi negeri-negeri lain, nisbahnya adalah lebih rendah. Ini melambangkan bahawa kemajuan disesebuah negari mahupun negara sedikit sebanyak akan mendorong kepada berlakunya masalah sosial seperti penagihan dadah. Masalah seperti ini perlu di selesaikan secara menyeluruh dengan penglibatan semua pihak.

**Jadual 2: Jumlah Penagih Berdaftar dengan NADI (1988-2001)**

Negeri	Bilangan Penagih	Populasi (1000)	Nisbah Penagih: Populasi (1:1000)
Johor	24,965	2,783.8	9
Kedah	15,605	1,689.6	9
Kelantan	15,297	1,344.9	11
Melaka	7,304	648.5	11
Negeri Sembilan	11,348	878.5	13
Pahang	13,537	1,319.3	10
Perak	26,941	2,157.7	12
Perlis	2,256	209.1	11
Pulau Pinang	26,941	1,337.4	20
Sabah	8,422	2,716.8	3
Sarawak	2,144	2,119.0	1
Selangor	27,488	4,270.0	6
Terengganu	10,092	919.3	11
WP	30,783	1,401.4	22
K.Lumpur			
<b>Jumlah</b>	<b>223,123</b>	<b>23,795.3</b>	<b>9</b>


**Rajah 1**

**Jumlah Kes Penagih Baru Seluruh Malaysia (NADI 2002)**




Rajah 2

**Bilangan Penuntut Yang Terlibat Dengan Kesalahan Dadah  
Dari Tingkatan 1 hingga ke Pusat Pengajian Tinggi (NADI  
2002)**



Rajah 3

**Jumlah Penagih Dadah berumur kurang dari 13 tahun (NADI  
2002)**



**PERANAN NGO**

Pertubuhan bukan kerajaan atau lebih dikenali dengan nama singkatan NGO adalah satu kumpulan individu yang berkumpul untuk menjalankan sesuatu aktiviti untuk manfaat bersama (Kramer, 1981 Dass, 1989). Oleh itu, ia adalah badan yang mempunyai pelbagai peranan seperti sebagai pemboleh (*enabler*), perancangan (*planner*) dan pembela

(*advocate*) (Brenton, 1985). NGO juga pernah dianggap sebagai alat untuk menentang pembangunan (seperti pertubuhan Greenpeace) tetapi apabila diteliti matlamat mereka, ia mempunyai tujuan-tujuan selain daripada yang "*altruistic*" yang dilihat sebagai penentangan tadi.

Lebih penting lagi, NGO sering dianggap sebagai perantara di antara agensi-agensi kerajaan pusat dan komuniti tempatan. Perantara ini penting diwujudkan supaya perancangan yang digubal di peringkat kebangsaan mahupun perjanjian-perjanjian yang diurus di peringkat antarabangsa ini sedar dan peka dengan keperluan sebenar yang wujud di peringkat akar umbi. Sukarelawan bekerja dengan masyarakat tempatan, dan dengan itu, ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan ini adalah amat rapat dengan peringkat akar umbi, lantaran mempunyai banyak matlamat serta rangkaian yang amat diperlukan oleh pihak-pihak berkuasa (Sabitha, 1999).

NGO juga dianggap sebagai pemangkin (*catalyst*) untuk membantu menggerakkan proses pembangunan setempat. Mereka bertindak sebagai ejen mobilisasi, pasukan motivasi serta saluran komunikasi di antara agensi, institusi dan komuniti. Mereka boleh menginterpretasi dasar pembangunan dan membawa balik maklumbalas dari bawah ke atas.

Pada masa ini, pertubuhan bukan kerajaan ditakrifkan sebagai pertubuhan-pertubuhan sukarela, agensi pembangunan sosial, penggerak aktiviti di peringkat akar umbi, atau alternatif kepada sokongan-sokongan profesional, atau kumpulan-kumpulan yang tidak berorientasikan keuntungan. Mereka turut terlibat dengan kerja-kerja sivik, sosio-ekonomi, keagamaan, sukan, kebajikan, persekitaran, dan tujuan-tujuan amal yang lain.

## NGO DAN DADAH

Di Malaysia ini, jika bercakap mengenai dadah, maka pertubuhan Pemadam adalah sinonim dengannya. Namun demikian Pemadam banyak memberi tumpuan kepada satu daripada strategi dadah negara iaitu pencegahan (Mahmood & Dzahir, 2001). Justeru itu, mereka menggerakkan tenaga sukarelawan, untuk memberi ceramah kesedaran dadah, program-program pencegahan awalan di sekolah-sekolah, pameran-pameran anti dadah bersama ADK, Polis dan kesihatan, serta program-program kesedaran yang lain (Mahmood & Dzahir, 2001).

Namun, jika diteliti Dasar Dadah Negara, ia mempunyai matlamat untuk menjadikan rakyat Malaysia bebas daripada penyalahgunaan dadah (Laporan Dadah, 1995). Dasar ini terlaksana dengan terbentuk Rancangan Tindakan Lima Tahun Anti Narkotik (1985-1989) dan Rancangan Tindakan Lima Tahun ke dua Anti Narkotik (1991-1995). Rancangan tindakan ini meliputi pelaksanaan, prosedur, penilaian dan keperluan kewangan. Pencapaian rancangan ini pula dapat dinilai daripada program pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan, pembangunan tenaga kerja, dan kerjasama antarabangsa serta penyelarasan yang dilaksanakan.

Bertitik tolak dari dasar inilah maka strategi dadah negara dibentuk, iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan, pembangunan sumber tenaga manusia, serta hubungan antarabangsa dan penyelarasan. Untuk menggerakkan strategi-strategi ini, peruntukan yang bersesuaian telah diberikan. Umpamanya, negara membelanjakan sejumlah RM973.68 juta untuk program dadah di antara 1996 hingga 2000, yang mana 321.69 juta adalah untuk ADK (Akaun awam belanjawaan dan anggaran belanjawaan).

Melihat kepada matlamat Dasar Dadah dan strategi Dadah Negara, pelbagai bantuan diperlukan untuk menggerakkan objektif ini. Pemadam telahpun meletakkan matlamat penubuhannya untuk menggerakkan strategi pencegahan. Banyak NGO lain turut membantu.

Satu daripada strategi yang banyak mendapat bantuan NGO ialah rawatan pemulihan penagihan dadah. Sehingga kini, terdapat 163 organisasi yang berdaftar dengan ADK untuk menjalankan pelbagai aspek rawatan dan pemulihan penagihan dadah (Jadual 3). Ada di kalangan organisasi ini berdaftar sebagai syarikat (seperti klinik-klinik swasta) tetapi kebanyakannya sebagai NGO. Di kalangan NGO ini pula, ada yang bertindak di bawah payung keagamaan (seperti Christian Care, Pusat Inabah) dan ada yang berteraskan rawatan (Pengasih, Prabila). Pengasih adalah salah satu NGO yang menawarkan perkhidmatan pemulihan penagihan dadah.

**Jadual 3 : NGO dan Syarikat Yang Berdaftar Dengan ADK**

<b>Pusat Pemulihan</b>	<b>Bilangan</b>
Pusat Pemulihan NGO	14
Pusat Jagaan Lanjutan (Tumpangan)	32
Pusat Pemulihan Secara Islam	9
Klinik/ubat	2
Klinik Yang Baru Memohon Kelulusan ADK	106
<b>Jumlah</b>	<b>163</b>

*Sumber: Senarai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP), Agensi Dadah Kebangsaan, Kuala Lumpur*

## **PERANAN PENGASIH DALAM PEMULIHAN DADAH**

Pengasih Malaysia ialah sebuah persatuan bantu diri (*Self Help*) yang didaftar pada 25 September 1991. Ia merupakan satu-satu organisasi dalam negara ini yang mempunyai ahli-ahli dari kalangan bekas-bekas penagih dadah yang berumur lebih daripada 18 tahun. Ini bermakna semua ahli-ahli Persatuan Pengasih Malaysia merupakan golongan penagih dadah pada suatu ketika dahulu yang di sisih oleh masyarakat.

Sejak penubuhannya, Pengasih Malaysia kini mempunyai 3000 ahli di seluruh negara. Sejurus selepas penubuhannya, Pengasih memulakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah yang berteraskan konsep "*Therapeutic Community*" (TC). Asas kepada modaliti pemulihan ini ialah rawatan yang berteraskan kekeluargaan. Pada peringkat awal penubuhannya, Pengasih menguruskan sehingga 100 orang residen di Rumah Pengasih dan kini, hampir 200 orang mendapat rawatan dan pemulihan di fasiliti berkenaan.

Pengasih Malaysia ditubuhkan dengan berpandukan kepada matlamat-matlamat berikut:

- i. Untuk membekalkan pemulihan kepada individu yang ketagih dengan memberi tumpuan untuk membina semula kehidupannya;
- ii. Untuk menjadi rakan kepada bekas penagih;

- iii. Untuk membekalkan bimbingan kepada bekas penagih bagi membantu mereka untuk menjalankan kehidupan yang selesa dan berdikari.
- iv. Untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang boleh mengatasi ketagihan demi menjamin masa depan kehidupan normal untuk bekas penagih;
- v. Untuk membantu kerajaan Malaysia dalam usaha-usaha pencegahan, rawatan dan pemulihan penagih dadah serta menyumbang kepada kejayaan program anti dadah kebangsaan;
- vi. Untuk meningkatkan bilangan bekas-bekas penagih di Malaysia; dan
- vii. Untuk menggunakan kedinamikan bekas penagih yang telah pulih bagi membantu penagih lain mengatasi masalah dadah demi untuk mengurangkan impak masalah sosial yang terhasil dari penyalahgunaan bahan.

Untuk mencapai visi, serta matlamat-matlamat yang ditetapkan ini, Pengasih Malaysia telah mengenalpasti tiga strategi utama, iaitu:

- i. Mengenalpasti bekas penagih yang telah pulih sepenuhnya untuk bekerjasama menjalankan program supaya dapat mengurangkan masalah dadah negara.
- ii. Untuk menawarkan khidmat kebajikan kepada pengguna, penagih dan bekas penagih dadah; dan
- iii. Untuk bertindak sebagai suara bagi penagih dan bekas penagih terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan rawatan, pemulihan, pencegahan dan kebajikan.

Dengan itu, Pengasih Malaysia menggerakkan program-program bersesuaian serta menyeluruh untuk menjawab strategi dan matlamat penubuhan. Program-program berkenaan adalah:

- i. Rumah Pengasih - Program rawatan pemulihan penagihan yang berteraskan modaliti TC.
- ii. Projek Bakti Kasih - Program yang memberi bantuan untuk individu yang menghadapi HIV+ dan AIDS.
- iii. Program Sinar Kasih - Program “re-entry” yang membantu bekas residen untuk memasuki masyarakat selepas rawatan di Rumah Pengasih.
- iv. Program Seruan Kasih - Program “outreach” untuk memberi bantuan kepada penagih dadah di luar institusi.
- v. Program Sidang Kasih - Kumpulan bantuan yang diusahakan untuk residen dan bekas residen Rumah Pengasih bersama keluarga dan orang-orang yang bermakna bagi mereka.
- vi. Program Muara Kasih - Membekalkan rumah persinggahan bagi tujuan

rehat dan rekreasi untuk penagih yang  
menghidapi AIDS dan HIV+

- vii. Program Lautan Kasih - Program Antarabangsa dengan rakan-rakan di  
sebarang laut untuk peningkatan keupayaan  
sumber manusia dan latihan.

Selain dari program-program ini Pengasih juga memulakan Pusat *Drop-In* dan Jagaan  
Harian untuk mereka yang HIV+ dan AIDS di Johor (Mahmood, Mohd Yunus, Yahya,  
Mohamad & Dzahir, 2002).

Kesemua aktiviti yang diusahakan oleh Pengasih Malaysia digerakkan oleh bekas-bekas  
penagih dadah yang ditakrif sebagai telah mencapai "*total recovery*" daripada ketagihan.  
Program-program ini digerakkan secara sistematik selaras dengan matlamat ianya  
diadakan.

Pertama, Rumah Pengasih yang merupakan khidmat utama persatuan ini, telahpun  
menjalankan rawatan pemulihan yang agak berkesan. Sejak tahun 1997, lebih daripada  
600 residen, sama ada dari dalam atau luar negara telah mengikuti program Rumah  
Pengasih. Selain dari itu, Rumah Pengasih turut terlibat dengan pelbagai aktiviti  
pembelajaran dari pihak luar yang ingin mempelajari dan mengenali aktiviti rawatan dan  
pemulihan ala TC. Ringkasan lawatan serta aktiviti ini adalah seperti di Jadual-jadual 4  
dan 5

**Jadual 4 : Bilangan Lawatan ke Rumah Pengasih**

Tahun	Bilangan
1995	13
1996	24
1997	12
1998	13
1999 (Mei)	8

**Jadual 5 : Bilangan aktiviti di Rumah Pengasih**

Tahun	Bilangan
1995	16
1996	35
1997	10
1998	37
1999 (Mei)	22

Kedua ialah program Bakti Kasih, yang memberi tumpuan kepada penyebaran maklumat  
tentang HIV/AIDS, membuat intervensi kes-kes HIV, menjalankan program "*outreach*",  
menggerakkan Sidang AIDS Pengasih (SAP), menggerakkan sidang keluarga AIDS  
Pengasih (SKAP) dan membuat rujukan kes. Sepanjang 1995 – 1997, Bakti Kasih telah  
menjalankan pelbagai program. Untuk tahun 1998 –1999 pula, sejumlah 64 lawatan  
hospital, 66 *street outreach*, 66 *group outreach* dan 17 *institutional outreach* telah  
diusahakan. Jadual 6 menunjukkan bilangan dan jenis program yang dijalankan dari  
tempoh 1997 – 1999.

**Jadual 6: Jenis dan Kekerapan Program Bakti Kasih 1997 – 1999**

	Jenis Program	Jumlah
1.	Singgah masuk/ulangan	6910
2.	Talian bantuan	317
3.	Kaunseling Individu	461
4.	Kaunseling Kelompok	169
5.	Kaunseling Keluarga	76
6.	Maklumat HIV+/AIDS	97
7.	Maklumat Cara Hidup Sihat	33
8.	Kemudahan Asas - dressing	43
9.	Kemudahan Asas – peruntukan vitamin	80
10.	Rujukan Klien	276

Seterusnya, program Sinar Kasih bertujuan untuk mengintegrasikan semula residen ke dalam masyarakat melalui penyesuaian, pembelajaran dan pekerjaan. Untuk tahun 1995, 19 orang residen di tempatkan untuk pekerjaan di Sunchirin Industries (M) Sdn. Bhd. Sehingga tahun 1997, sejumlah 79 orang telah mengikuti program Sinar Kasih dengan 62% kejayaan (dari segi berjaya dan bersih dari dadah) (Laporan tahunan Pengasih, 1995 – 1997).

Program Seruan Kasih pula melibatkan aktiviti menyeru, memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai dadah serta masalah-masalah yang berkaitan dengannya kepada pelbagai kelompok sasar. Penekanan diberi kepada sekolah, IPT, penjara dan sektor kerja awam mahupun swasta. Dari tahun 1995 – 1997, ahli Pengasih Malaysia telah bergiat aktif dengan berceramah. Antara lokasi dan kekerapan program Seruan Kasih ini di jalankan adalah seperti di Jadual 7.

**Jadual 7 : Pelaksanaan Program Seruan Kasih 1995 – 1997**

Lokasi	Kekerapan
Lawatan ke hospital	28
Majlis Umum	88
Penjara	8
Pusat-pusat Serenti	16
Sekolah	40
IPT	18
Media massa	52
Jalanan	64

Beberapa program lain turut dijalankan untuk manfaat bekas penagih yang berkhidmat dengan Pengasih. Dalam program Lautan Kasih, umpamanya, ramai staff Pengasih telah mengikuti latihan di Daytop Inc, USA; Pertapis Singapura, Indonesia serta mengikuti beberapa persidangan antarabangsa mengenai AIDS dan dadah. Selain itu, mereka juga membuat rangkaian dengan pelbagai pertubuhan, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, NGO, serta syarikat-syarikat swasta untuk menggerakkan aktiviti persatuan.



## KESIMPULAN

Pengasih merupakan satu-satu NGO di Malaysia yang telah berjaya mengubah nasib sebilangan besar penagih-penagih dadah untuk meninggalkan tabiat buruk demi menjadi anggota masyarakat yang berguna. Kajian Mahmood et al (2002) mendapati beberapa perubahan kepada struktur psikologi residen yang telah berjaya mengikuti program TC di Rumah Pengasih. Beberapa program TC yang hampir sama juga mencatatkan beberapa kejayaan (Mahmood, 2001b; 2000a). Sejumlah 3000 ahli Persatuan Pengasih bukan hanya telah berjaya menolak cara hidup yang berbahaya, berunsur jenayah dan mengganggu masyarakat, malah mereka dapat memberi sumbangan yang amat bermakna melalui pelbagai program pencegahan, rawatan dan pemulihan, dadah yang lazimnya kerja ini dipertanggungjawabkan kepada sesebuah agensi kerajaan yang besar. Perkhidmatan ini bukan hanya berjaya membantu bekas penagih dari segi ekonomi, malah memberi peluang kepada mereka untuk menebus kesalahan terdahulu dengan membantu negara membasmi gejala dadah yang sungguh serius. Ini kami jangka, adalah kejayaan yang paling bermakna bagi NGO ini.

## RUJUKAN

- Brenton, M. (1985). *The Voluntary Sector in British Social Services*. London: Longman
- Dass, M.B. (1989). Growth of Voluntary Organisation, *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 10 (2), 43-36.
- Kramer, R.M. (1981). *Voluntary Agencies in Welfare State*. Berkeley: University of California Press.
- Laporan Dadah 1995*. Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001 b). Therapeutic Community and Spiritual Healing: The case of Inabah Drug Rehabilitation program, Malaysia. *Proceedings of the 20th World Federation of Therapeutic Communities (WFTC): The 20th World Conference Proceedings*. San Francisco: Waldan House.
- Mahmood Nazar Mohamed, Mohd Yunus, P.M, Yahya, D., Mohamad Hassan, Dzahir Kasa (2002). *An Evaluation of Pengasih Drug Rehabilitation Program*. Unpublished Research Report, Malaysian Psychological Society.
- Mahmood Nazar Mohamed & Muhamad Dzahir Kasa (2001). *Kajian Keberkesanan Program Anti-Dadah, Pemadam*. Unpublished Technical Report, UUM-Pemadam.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2000a). Coping strategies of rehabilitated heroin addicts: Some implications on Social skills with significant other. *Poster presented at the VII the European Psychology Congress*, July 1 –6, London, UK.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2002a). Drug use among youth: A changing Pattern. *Paper presented at the 4<sup>th</sup> Global Conference on Drug Abuse Prevention*. May, 13 – 17, Penang, Malaysia.

Mahmood Nazar Mohamed. (2002 b). The influence of good family relationship with the propensity to be drug free. A study amongst Malaysia Psychoactive drug abusers. *Paper presented at the Hawaii International Conference on Social Science*, June 11 –15, Honolulu, Hawaii, USA

Sabitha Marican (1999). *Peranan Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan dalam mengatasi masalah gangguan seksual di tempat kerja*. Laporan penyelidikan tidak diterbitkan, UUM